



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	31/12/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	: 22
JABATAN	:	SEDA		

HM 31.12.2021_22

KeTSA lancar MyRER

Putrajaya: Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melancarkan Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Baharu Malaysia (MyRER) 2022-2035 bertujuan meningkatkan kapasiti campuran Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam bekalan elektrik negara dan memenuhi komitmen perubahan iklim.

Menterinya, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata, pendekatan serampang tiga mata itu antara lain akan dapat menghasilkan limpahan ekonomi melalui penjana nilai pelaburan sebanyak RM20 bilion pada 2025 (pelan jangka pendek) dan RM33 bilion menjelang 2035 (pelan jangka sederhana).

Menurutnya, ia juga dapat menyediakan hampir

47,000 peluang pekerjaan langsung dalam bidang TBB.

Katanya, MyRER juga mengunjurkan kapasiti TBB pada 2025 akan meningkat sebanyak 4,466 megawatt (MW) kepada 12,916 MW berbanding kapasiti tahun 2020 iaitu 8,450 MW.

“MyRER disediakan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Seda Malaysia) yang antara lain memperincikan perancangan pembangunan TBB negara serta laluan terbaik untuk peralihan ke arah sistem tenaga rendah karbon,” katanya ketika melancarkan MyRER di sini, semalam.

MyRER menggariskan empat tonggak berasaskan teknologi iaitu solar, bio-tenaga, hidro dan sumber baharu.

